



NO. SEBUT HARGA : PL/(S)108/2025(JPK)
TARIKH : 15 OGOS 2025

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa untuk kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan **Sijil taraf Bumiputera (STB)** dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi perolehan berikut:

Tajuk Perolehan	Gred, Kategori dan Pengkhususan kelas	Taklimat dan Lawatan Tapak	Tarikh dan Lokasi Penjualan / Harga Dokumen	Tarikh, Waktu Tutup Tawaran & Tempat Penghantaran Dokumen
PEROLEHAN KERJA MENAIKTARAF LAMPU LIMPAH SERTA SISTEM PENDAWAIAN ELEKTRIK DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI GELANGGANG TENIS JALAN TENAGA WP LABUAN	Berdaftar dengan PPK, SPKK DAN STB Gred: G1 ATAU G2 ATAU G3 Kategori: ME Pengkhususan: E04, E06 DAN E17 Surat Kebenaran Khas Daripada CIDB: TIDAK DIBENARKAN	<u>TAKLIMAT (WAJIB)</u> 19.8.2025 (9:00 pagi) Taklimat akan diadakan di Bilik Perbincangan Tingkat 6, Jabatan Pembangunan dan Kejuruteraan, Menara Perbadanan Labuan <u>LAWATAN TAPAK</u> Tiada	<u>TARIKH & LOKASI PENJUALAN</u> 20.8.2025 hingga 26.8.2025 (semasa waktu pejabat) Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah, Blok B, Wisma Perbadanan Labuan <u>HARGA DOKUMEN</u> RM 20.00 (tidak dikembalikan)	27.8.2025 (8.00 pagi - 12.00 t/hari) Peti Sebut Harga No. 1 Tingkat 2, Blok A, Wisma Perbadanan Labuan

Kontraktor dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran yang sah tempoh **berserta Satu (1) salinan** sijil dari **PPK, SPKK** dan **STB** sebelum dibenarkan mengambil dokumen sebut harga.

(Tempoh Sah Sijil-Sijil Hendaklah Tidak Kurang 90 Hari Dari Tarikh Tutup Iklan Sebutharga)

Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran sahaja yang boleh menghadiri taklimat / lawatan tapak sebut harga. Kontraktor / Syarikat juga tidak dibenarkan mewakilkan pegawai lain selain daripada penama dalam sijil. Oleh itu, syarikat perlu membawa bersama sijil dan pengenalan diri semasa menghadiri taklimat / lawatan tapak.

Perbadanan Labuan tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau sebarang sebut harga. Semua perbelanjaan bersabit dengan sebut harga ini adalah tanggungjawab kontraktor sendiri. Dokumen sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan sebarang rayuan tidak akan dilayan. Perbadanan Labuan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen sebut harga yang dihantar melalui pos.

Iklan di atas juga boleh di akses dengan melayari laman web rasmi Perbadanan Labuan di alamat www.pl.gov.my.



PERBADANAN LABUAN

HARGA INDIKATIF JABATAN

**PEROLEHAN KERJA MENAIKTARAF LAMPU LIMPAH SERTA
SISTEM PENDAWAIAN ELEKTRIK DAN KERJA-KERJA
BERKAITAN DI GELANGGANG TENIS JALAN TENAGA
WP LABUAN**

**NO. SEBUT HARGA/TENDER
PL/(S)108/2025(JPK)**

**HARGA INDIKATIF JABATAN BAGI PEROLEHAN INI ADALAH
RM199,770.00**

**TEMPOH KONTRAK
22 MINGGU – 24 MINGGU**

1. Harga Indikatif Jabatan ini berdasarkan harga pasaran semasa, realistik dan terkini dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.
2. Pihak Perbadanan Labuan tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.